

MPC.100-15/2/6

23 November 2020

Puan Romaiza binti Ab Rahman
15, Jalan SE 6, Park Villa
Sunway Eastwood, Taman Equine
43300 Seri Kembangan, Selangor

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI PROJEK UNTUK PROJEK REPOSITORI 'SHARED PROSPERITY COMPANY FOR PLWS' – KENYATAAN MEDIA DAN INPUT UCAPAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan mengadakan majlis pelancaran berkaitan sistem repositori 'Shared Prosperity Company for PLWS' yang kini telah dinamakan sebagai e-Shared Prosperity Organisation (eSPO). Majlis tersebut dijangka diadakan pada **17 Disember 2020 (Khamis)**.

3. Untuk makluman pihak puan, sistem ini telah dibangunkan untuk mempromosikan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (*Productivity-Linked Wage System*) dalam kalangan industri di Malaysia. Sistem pengiktirafan dalam talian ini mengandungi soalan ringkas yang dikategorikan mengikut lima (5) sektor utama iaitu Pembuatan, Perkhidmatan, Pertanian, Perlombongan & Kuari dan Pembinaan.

4. Sehubungan dengan itu, kami ingin melantik pihak puan sebagai penulis untuk menyediakan kenyataan media dan juga input ucapan sejajar dengan majlis pelancaran sistem tersebut. Maklumat terperinci akan dinyatakan dalam **Terma Rujukan** seperti di **Lampiran 1**. Sekiranya pihak puan bersetuju dengan lantikan ini, mohon kembalikan **Borang Setuju Terima** di **Lampiran 2** sebelum atau pada 17 November 2020.

Sekian, terima kasih.

"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



SUGUMAR SAMINATHAN

Pengarah
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing (PCD)
b.p Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

TERMA RUJUKAN

A. Kenyataan Media

1. Tiga (3) kenyataan media hendaklah disediakan iaitu sebelum perasmian (*pre-launching*), semasa hari perasmian (*launching statement*) dan selepas perasmian (*post-launching*).
2. Kenyataan media hendaklah menggunakan Bahasa Inggeris.
3. Setiap kenyataan hanya diperuntukan dua (2) muka surat sahaja dengan saiz tulisan 12 dan jarak antara baris ialah 1.5.
4. Tarikh penghantaran kenyataan adalah seperti di bawah:

Tarikh	Kenyataan Media
2 Disember 2020	<i>pre-launching</i>
17 Disember 2020	<i>launching statement</i>
30 Disember 2020	<i>post-launching</i>

B. Input Ucapan

1. Tiga (3) input ucapan hendaklah disediakan.
2. Input ucapan pertama (ucapan perasmian) untuk VIP 1 iaitu Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
3. Input ucapan kedua (ucapan pembukaan) ialah untuk VIP 2 iaitu Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia.
4. Setiap input ucapan hanya diperuntukan tiga (3) muka surat sahaja dengan saiz tulisan 12 dan jarak antara baris ialah 1.5.
5. Kedua-dua input ucapan hendaklah dihantar pada 10 Disember 2020 (Isnin) untuk semakan dan komen.

C. Terma Bayaran

1. Bayaran adalah mengikut bilangan muka surat iaitu RM200.00 bagi setiap muka surat.
2. Bayaran akan dibuat seperti berikut:

Pembayaran	Keterangan	Jumlah (RM)
Pertama	3 kenyataan media	3 x 2 muka surat x 200.00 = 1,200.00
Kedua	3 input ucapan	2 x 3 muka surat x 200.00 = 1,200.00
Jumlah		2,400.00

BORANG SETUJU TERIMA

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor
(u.p.: Puan Nurul Syamimi Ismail)

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI PROJEK UNTUK PROJEK REPOSITORI 'SHARED PROSPERITY COMPANY FOR PLWS' – KENYATAAN MEDIA DAN INPUT UCAPAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya, (No. K/P:)
**** bersetuju / tidak bersetuju** dengan pelantikan sebagai penulis seperti yang dinyatakan dalam surat pihak puan bertarikh 23 November 2020.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
()

No. akaun :

Nama bank :

Tarikh :

Cop (jika ada) :

**** potong mana yang tidak berkenaan**